



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Perspektif Penulis Cilik


PENGALAMAN MENYERTAI PROGRAM LITTLE SCIENTIST IN ACTION! 2.0 MENCAMBAH MINDA SAINS SAYA

Oleh

Muhammad Akid Hakim Bin Mohd Azhar
Sekolah Kebangsaan Tunku Munawir, Bt 1,
Jalan Bahau, 72000 Kuala Pilah

m-12147351@moe-dl.edu.my

EDITOR: DR. AIDA SYAFINAZ MOKHTAR



Dalam konteks pendidikan di Malaysia, bidang sains telah diletakkan didalam program STEM, iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. STEM merujuk merujuk kepada dasar pendidikan dan pilihan kurikulum sekolah untuk meningkatkan daya saing dalam bidang sains serta teknologi kepada pelajar.

Saya berpeluang untuk mencambah minat sains dengan menyertai program Little Scientist In Action! 2.0 yang telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah pada 29 Ogos 2023.

Program ini telah memberi manfaat kepada pelajar sekolah rendah seperti saya dalam menerokai bidang sains terutamanya menerusi konsep Biodiversiti dan Mikrobiologi.

Saya dan rakan-rakan lain diraikan sebagai saintis cilik menerusi pendedahan dalam aktiviti makmal yang sebelum ini saya hanya pelajari di dalam kelas melalui buku teks sahaja. Kami juga diberi peluang untuk mencuba sendiri pelbagai peralatan saintifik yang belum pernah kami gunakan sebelum ini.



Menyebut sahaja sains pasti kita semua akan terfikir tentang saintis, susahnyanya nak belajar sains ini, padahal sains itu sendiri merangkumi akan aspek setiap kehidupan kita di dunia. Manakan tidak, dari kita terjaga hingga kita melelapkan mata kita tidak dapat lari dari aspek sains. Dari kita bernafas, berlari serta berkomunikasi dengan alam semesta, semuanya melibatkan sains. Oleh kerana itulah kita perlulah didedahkan kemahiran sains ini daripada kita kecil lagi.

Ianya sedikit sebanyak telah menaikkan semangat kami untuk memahami, meminati dan mempraktikkan sains di dalam kehidupan.



Program ini tidak hanya memberi fokus kepada aktiviti di dalam makmal sahaja, kami juga telah dibawa menjelajah kawasan kampus UiTM Kuala Pilah dimana kami semua telah diajar bagaimana untuk mengkaji sesuatu benda hidup, bermula dengan mengenal sampel, merekod dan melabel. Seterusnya, sampel yang diambil telah dibawa ke makmal untuk proses analisa dan uji kaji. Kami semua sangat teruja dengan setiap aktiviti yang dijalankan, manakan tidak, kami diberi peluang untuk masuk kedalam hutan mencari sendiri sampel yang ada di sekitar kami, sambil ditemani oleh tenaga pengajar Pusat Pengajian Biologi yang begitu berdedikasi menyampaikan pembelajaran. Pembantu makmal yang baik serta abang dan kakak yang merupakan pelajar UiTM turut sabar melayan pertanyaan dan kerenah kami.



Setelah seharian menyertai program ini, saya sempat bertanya dengan rakan-rakan baru saya, adakah mereka ingin menyertai program seperti ini jika diberi peluang sekali lagi, jawapan mereka; Ya!

Bila ditanya kenapa, jawapan mereka hanya satu; seronok! Ini membuktikan program seperti ini mampu menarik minat generasi muda terutamanya dari kalangan murid sekolah seperti saya untuk terus meminati dan mempelajari bidang sains ini.

Pada pendapat saya, usaha memperkasakan budaya sains ini terutamanya budaya STEM di kalangan generasi muda ditambah pula dengan kecanggihan media dan teknologi mestilah dimanfaatkan sepenuhnya, lebih-lebih lagi generasi muda seperti kami kini begitu rapat dengan teknologi. Program seperti ini juga mengikis sempadan dan tanggapan minda bahawa bidang sains ini sukar untuk dipelajari, dan aktiviti luar bilik darjah dibantu dengan sesi praktikal di dalam makmal mampu memberi lebih kefahaman untuk mencambah minda sains kanak-kanak.

